

اولادنا Auladuna

2024(UP) 600-002/042(46)



فوجة دعوه اسلاميه
مركز الدعوه الاسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 46



Muliakan Hari Jumaat

Kelebihan Hari
Jumaat 3

Peristiwa Hari
Jumaat 8

Adab Ketika
Mendengar
Khutbah 13



Kandungan Auladuna

KALAM AULADUNA	3
ASMA'UL HUSNA	4
PENGENALAN SURAH	5
SIFAT ALLAH	6
ADAB ISLAMI	7
INGIN TAHU	8
KAMUS 3 BAHASA	9
AMAR MA'RUF	10
BACA DAN TULIS	11

NAHI MUNKAR	12
BINA PERKATAAN	13
PERAMBAHAN BRUNEI	14
SAMBUNG JAWI	15
ASAH MINDA	16
KAMUS BRUNEI	17
SESUAI DAN PADANKAN	18
GAMBAR TERSEMBUNYI	19
DOA	20

Anggota Redaksi

EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG EDITOR

Qairunnisa binti Haji Jaliil

SUSUN ATUR & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

PENYELARAS

Azizah binti Hidup

PEMBANTU PENYELARAS

Md. Zelihan bin Ahad
Hajah Ratna Wati binti Haji Abd. Karim
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Suriafi binti Haji Ali Husain
Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang
Abd. Ghani
Hazey Suzainah binti Haji Shaya

PEMBAHAGI MAJALAH

Pj. Muhammad Rafiuddin bin Pj. Haji Badaruddin
Nurul Nabila binti Masri

Kelebihan Hari Jumaat

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Anak-anak yang dimuliakan,

Hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan hari yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana hari Jumaat memiliki banyak keistimewaan, kemuliaan dan kelebihannya berbanding hari-hari yang lain, antaranya ialah:

- Terciptanya Nabi Adam '*alaihissalam* iaitu bapa bagi sekalian manusia.
- Segala doa dan permintaan dikabulkan kecuali perkara-perkara maksiat.
- Lelaki yang berugama Islam dan cukup syarat adalah diwajibkan menunaikan sembahyang fardhu Jumaat secara berjemaah di masjid.

Untuk itu, kita sebagai umat Islam haruslah mengagungkan, mengistimewakan dan juga memuliakan hari Jumaat dengan memperbanyak amal ibadah seperti membaca al-Qur'an, berdoa, bershalawat, bersedekah dan membuat kebaikan.

Semoga kita semua diberikan kekuatan dan kemampuan untuk melaksanakan amal kebaikan pada setiap hari Juma'at dan mendapat keberkatan serta rahmat dari Allah Subhanahu wa Ta'ala. Amiin!

Asma'ul Husna

الْوَكِيلُ

Yang Maha Mewakili

Firman Allah dalam surah az-Zumar ayat 62
yang mafhumnya:

*"Allah jualah Pencipta segala sesuatu, dan Dialah
Maha Pemelihara segala sesuatu"*

AL-WAKIL ertinya Maha Mewakili atau
Maha Pemelihara. Maksudnya, Dialah yang
melaksanakan segala urusan makhluk-Nya, Dialah
yang menyediakan jalan untuk menyelesaikan
semua masalah dengan cara yang sebaik-baiknya.

Sesiapa yang berzikir dengan menggunakan
nama ini, hendaklah ia mengambil berat tentang
saudaranya yang mu'min serta hendaklah ia
menjaga kepentingan manusia yang diwakilkan
kepadanya dengan niat yang ikhlas.



1

Surah ini dinamakan al-Jumu'ah yang bererti hari Jumaat kerana merujuk pada lafaz **الجمعة** yang terdapat dalam ayat 9.

2

Surah al-Jumu'ah merupakan surah ke 62 dan diturunkan di Madinah. Surah ini mengandungi 11 ayat dan tergolong dalam surah Madaniyah.

3

Surah ini mengandungi perintah kepada umat Islam supaya bersegera ke masjid untuk mengerjakan sembahyang Jumaat dan meninggalkan perkerjaan masing-masing apabila mendengar seruan azan. Setelah selesai mengerjakan sembahyang Jumaat, umat Islam digalakkan untuk meneruskan usaha mencari rezeki sambil mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* banyak-banyak dalam segala keadaan.

4

Surah ini juga mengandungi nasihat kepada umat Islam supaya mengutamakan perintah Allah daripada kepentingan dunia.

5

Dalam surah ini juga, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa kematian itu pasti berlaku terhadap semua makhluk yang bernyawa.

Sifat Allah

SIFAT WAJIB BAGI ALLAH

Antara sifat 20 yang wajib bagi Allah
Subhanahu wa Ta'ala itu ialah:



Adab Ketika Mendengar Khutbah Jumaat

Berikut adalah antara adab-adab semasa mendengar Khutbah Jumaat yang anak-anak perlu ketahui, iaitu:

Kita dianjurkan diam dan mendengar khutbah yang disampaikan dengan khusyuk.

Dilarang seseorang itu berkata-kata ketika khatib atau imam sedang berkhutbah sekalipun jika ingin mengingatkan orang lain untuk tidak bercakap.

Dilarang melakukan perkara-perkara yang sia-sia seperti bermain *game* ataupun telefon bimbit dan sebagainya.

Duduklah dengan sopan semasa mendengar khutbah

Dilarang tidur ketika mendengar khutbah.





Peristiwa Hari Jumaat

Hari Jumaat merupakan hari yang sangat istimewa bagi kaum Muslimin. Hari Jumaat mempunyai banyak kelebihan dan keutamaan yang disediakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* kepada hamba-hamba-Nya. Berikut adalah antara keistimewaan yang berlaku di hari Jumaat:

Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Abu Lubabah bin Abdul Mundzir *Radhiyallahu ‘anhu*, bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ سَيِّدُ الْأَيَّامِ، وَأَعْظَمُهَا عِنْدَ اللَّهِ، وَهُوَ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ يَوْمِ الْأَضْحَى، وَيَوْمِ الْفِطْرِ فِيهِ خَمْسٌ خَلَالٍ، خَلَقَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ، وَأَهْبَطَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ إِلَى الْأَرْضِ، وَفِيهِ تَوْفِيقُ اللَّهِ آدَمَ، وَفِيهِ سَاعَةٌ لَا يَسْأَلُ اللَّهُ فِيهَا الْعَبْدُ شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ، مَا لَمْ يَسْأَلْ حَرَاماً، وَفِيهِ تَقْوُمُ السَّاعَةِ

Maksudnya:

Sesungguhnya hari Jumaat ialah kepala sekalian hari dan hari yang terbesar di sisi Allah, dan ia lebih besar di sisi Allah daripada Hari Raya Adha dan Hari Raya Fitri. Pada hari Jumaat itu terdapat lima kejadian iaitu hari yang *dijadikan Adam ‘alahissalam* dan *baginda diturunkan dari syurga ke muka bumi*, dan pada hari itu juga *wafatnya Adam ‘alaihissalam*, dan Allah mengurniakan satu saat di mana *doa-doa dikabulkan* kecuali *doa-doa maksiat*, dan hari Jumaat juga akan terjadinya hari Kiamat.

Mimbar

Podium

مِنْبَرٌ




2

Sejadah

Prayer mat

سَجَّادَةٌ



3

Tasbih

Rosary

مِسْبَحَةٌ



4

Al-Qur'an

Koran

الْقُرْآنُ



5

Taqwim

Calendar

تَقوِيمٌ



Kewajipan Sembahyang Jumaat

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَلَا سُؤَالٌ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ
وَذَرُوهُ الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat maka pergilah kamu (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika benar kamu mengetahui.

(Surah al-Jumu'ah : 9)

Sila isikan di tempat kosong

قُلْ وَلَمْ يُولَدْ الْصَّمَدُ كَفُواً أَحَدٌ

ۚ أَللّٰهُ هُوَ أَكْبَرُ

ۖ لَمْ يَكُنْ لَّهُ كِيلَدٌ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ شَرِيكٌ

ۖ أَحَدٌ وَمَا كُلُّ



Larangan Meninggalkan Sembahyang Jumaat

SOALAN: Apa hukum meninggalkan sembahyang Jumaat?

JAWAPAN: Berdosa besar.

SOALAN: Apa akibatnya meninggalkan sembahyang Jumaat?

JAWAPAN: Pintu hati akan tertutup daripada mendapat hidayah.

SOALAN: Apa dalil hukuman meninggalkan sembahyang Jumaat?

JAWAPAN: Imam Abu Daud dalam kitab sunannya daripada Abu al-Ja'di adh-Dhamri, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعَ تَهَاوُنًا بِهَا،
طَبَعَ اللَّهُ عَلَىٰ قَلْبِهِ

Maksudnya:

Sesiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali dengan sengaja, maka Allah akan menutup hatinya (daripada menerima petunjuk).



Cuba bina 12 perkataan daripada
perkataan di bawah ini

KHUTBAH JUMAAT



Perambahan Brunei

CAKAP AMBUR-AMBUR

Ertinya: Bercakap sembarangan
Jangan **cakap ambur-ambur**,
nanti buruk padahnya. Nasihat
emak kepada Iman.

BASAR AWA

Ertinya: Besar keinginan tanpa
perhitungan
Jangan **basar awa ani**. Berbelanja
atau biar ikut kemampuan.

GALAK RASA

Ertinya: Terasa Malu
Galak rasa ku eh, orang liat-liat
aku ani.

ANGAT-ANGAT DINGIN

Ertinya: Kurang sihat atau
demam
Bos, hari ani aku inda datang
keraja ah, **angat-angat dingin**
ku.



هاري دالم سميڠكتو

اڻنڀن

ٺلائ

رابو

خميں

جمعه

سبتو

احد



Asah Minda

Cari amalan sunnah (warna kuning) dalam kotak di bawah ini:

Perbanyak SHALAWAT

Perbanyak DOA & ZIKIR

Perbanyak SEDEKAH

Membaca Surah AL-KAHFI

Mandi SUNAT Jumaat

Memakai WANGIAN

Memotong KUKU

Hadir awal ke MASJID untuk sembahyang JUMAAT

A	S	D	S	H	A	L	A	W	A	T	U
D	E	J	V	X	H	Y	L	T	F	S	C
O	R	U	B	N	W	A	N	G	I	A	N
A	G	M	J	G	W	Q	H	K	U	Y	E
D	J	A	X	A	L	-	K	A	H	F	I
A	L	A	E	Q	T	Y	U	O	P	X	A
N	M	T	W	S	E	D	E	K	A	H	C
Z	N	K	S	G	D	S	R	T	Y	O	K
I	B	L	U	R	W	K	U	K	U	Q	T
K	F	H	N	B	N	P	Y	U	I	R	E
I	X	F	A	V	M	A	S	J	I	D	W
R	Z	S	T	G	K	L	E	W	Q	R	Q

ULAH

Ertinya: Perangai

Jaga **ulah** atau kalau di rumah orang.



PANYAP

Ertinya: Mengemas

Panyap tia buku-buku mu atau lai.



GULAYAN

Ertinya: Sayur

Gulayan apa kau masak hari ani?



KARANG

Ertinya: Nanti

Karang tah ku makan. Kanyang ku masih.



Sila isikan dengan jawapan yang betul

Khutbah Dua Zuhur Wajib Fardhu 'ain Sah

Sembahyang Jumaat ialah sembahyang _____ rakaat dalam waktu _____ pada hari Jumaat dan didahulukan dengan dua _____. Sembahyang Jumaat adalah _____ apabila berhimpun syarat-syarat _____ dan syarat-syarat _____ sembahyang Jumaat itu.



Gambar
Tersembunyi

Cari 10 ekor RAMA-RAMA

DOA

Kebaikan Dunia dan Kebaikan Akhirat

رَبَّنَا آءِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*"Ya Tuhan kami!
Kurniakanlah kami
kebaikan di dunia dan
kebaikan di akhirat
dan peliharalah
kami daripada azab
neraka."*

